



## **Vaksin Bivalent tiba minggu kedua atau ketiga November**

Rafidah Mat Ruzki

Oktober 31, 2022 @ 5:07pm

PUTRAJAYA: Vaksin baharu COVID-19 keluaran Pfizer, Bivalent, dijangka tiba di Malaysia pada minggu kedua atau ketiga November ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, pembelian vaksin itu bukan menggunakan perolehan tambahan, sebaliknya tempahan sedia ada yang ditukar kepada vaksin jenis baharu itu.

Vaksin berkenaan dilaporkan khusus untuk kanak-kanak yang berisiko tinggi dan mempunyai penyakit kronik serta warga emas.

"Malaysia sudah tempah vaksin Bivalent, jenis baharu daripada Pfizer dan ia dijangka sampai pada November ini," katanya pada sidang media perkembangan jangkitan COVID-19, di sini, hari ini.

Khairy berkata, pakar juga berpandangan vaksin sedia ada turut berkesan menangani penularan Omicron dan XBB, justeru mereka yang berisiko tinggi dinasihati tidak menunggu sehingga perolehan baharu itu tiba, sebaliknya boleh mengambil dos penggalak sedia ada untuk melindungi diri iaitu empat hingga enam bulan selepas disuntik dos penggalak pertama.

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya berharap rakyat Malaysia yang masih belum menerima dos penggalak kedua untuk berbuat demikian selepas didapati jumlah mereka yang mendapatkan dos berkenaan hanya 519,839 individu ketika ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihati individu berusia 50 tahun ke atas, mempunyai masalah kesihatan dan penyakit kronik, selain individu mempunyai sistem imun lemah, petugas barisan hadapan dan ibu hamil untuk mendapatkan dos penggalak kedua.

"Turut disyorkan mengambil dos penggalak kedua adalah individu berusia 18 tahun ke atas yang tidak mempunyai masalah kesihatan dan pautan untuk mendapatkan janji temu akan dihantar semula melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, mana-mana rakyat Malaysia yang berhasrat ke luar negara terutama untuk percutian musim sejuk, disyorkan mendapatkan dos penggalak kedua, seperti digalakkan di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) ketika ini.

"Saya sarankan orang ramai yang sedang membuat perancangan menyambut Krismas di London, supaya mengambil dos penggalak kedua. Mungkin minggu kedua atau ketiga November ini, vaksin Bivalent juga akan sampai," katanya.

Khairy berkata, pemberian vaksin COVID-19 juga disyorkan untuk kanak-kanak bawah lima tahun yang mempunyai masalah kesihatan.

Beliau berkata, ketika ini, pakar masih mengkaji data dari negara lain membabitkan pemberian vaksin untuk kanak-kanak bawah usia lima tahun yang sihat dan tiada masalah kesihatan.